

# Berhasrat mengaplikasikan ilmu dari UNISSA



DAYANG Nabila binti Haji Bujang, jurusan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Kehakiman) bersama keluarga beliau.

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 17 September. - Hanya rasa syukur yang dapat dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala apabila kerja keras selama lima tahun berada di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) akhirnya membuahkan hasil setelah berjaya menamatkan pengajian di universiti berkenaan.

Antara yang menyuarakan rasa syukur tersebut adalah salah seorang graduan UNISSA, Dayang Siti Nur Maziyyah binti Haji Raman ketika ditemui bual semasa Majlis Hafal Al-Takharruj Ke-8 UNISSA, berlangsung di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Meskipun gembira dengan kejayaannya itu, Dayang Siti Nur Maziyyah yang mengikuti jurusan Bachelor of Laws (LLB) &

Bachelor of Shari'ah Laws (BSL) juga berasa terharu dan bersedih, kerana akan terpaksa meninggalkan rakan-rakan seperjuangan ketika sama-sama menuntun ilmu.

"Dalam masa yang sama, perasaan sedih tetap ada kerana dengan berakhirnya sesi pengajian ini juga, bererti saya tidak akan dapat berjumpa dengan rakan-rakan seperjuangan, sepertimana yang kami lalui sepanjang lima tahun lalu," ujarnya.

Namun begitu, katanya lagi, dengan tamatnya pengajian mereka itu juga bermakna telah tiba satu fasa baru yang perlu dilalui dalam hidupnya.

Rancangan utama beliau seterusnya ialah untuk mendapatkan pekerjaan tetap bersesuaian dengan jurusan yang

dipelajarinya, dengan tidak terhad kepada sektor-sektor kerajaan sahaja, malahan juga agensi-agensi swasta, agar beliau dapat mengaplikasikan ilmu yang diperolehnyanya semasa di UNISSA.

Menyentuh mengenai pembahagian masa, Dayang Siti Nur Maziyyah menjelaskan, kebijaksanaan mengatur masa adalah penting agar masa tidak tersia-sia begitu saja.

"Dengan pembahagian masa, saya sentiasa memastikan agar masa yang ada tidak akan terbuang begitu sahaja, lebih-lebih lagi saya merupakan seorang isteri dan ibu kepada dua orang anak ketika masih dalam pengajian. Jadi adalah wajar bagi saya untuk mengatur masa sebaik mungkin dengan membuat jadual secara lebih teratur, agar saya dapat mengimbangi antara tanggungjawab sebagai isteri, ibu dan mahasiswi," ujarnya.

Cabaran paling sukar yang pernah beliau hadapi sepanjang pengajian adalah setelah melahirkan anak pertamanya, iaitu pada tahun ketiga pengajian, kerana sukar membahagikan masa di antara belajar dan menjaga anak, memandangkan belum berpengalaman dalam hal ehwal penjagaan anak.

Rasa syukur juga disuarakan oleh seorang lagi graduan UNISSA, Dayang Nabila binti Haji Bujang yang mengikuti jurusan Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Kehakiman).

Beliau yang memperolehi Kejujangan Kelas Kedua Atas menjelaskan, segala usaha yang dibuatnya selama ini akhirnya membuahkan hasil dan Majlis Hafal Al-Takharruj ini menjadi detik bersejarah baginya setelah berjaya memperolehi segulung ijazah.

"Selaku anak muda watan dan penyambung generasi masa hadapan, seharusnya sudah tiba masa bagi saya mengorak langkah dalam sama-sama memajukan negara dan mercialisasikan Wawasan Negara berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB)," jelasnya.

Selain itu katanya lagi, golongan muda di negara ini juga hendaklah terus mengembangkan dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, seperti mana yang dititikkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

## Kerjasama sektor awam dan swasta boleh jadi pemudah cara

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**TUNGKU,** Isnin, 17 September.

- Kerjasama antara sektor awam dan swasta boleh menjadi pemudah cara ke arah pemilikan aset yang lebih baik, kecekapan meneraju serta memastikan kualiti dan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik.

Demikian antara yang terkandung di dalam taklimat bertajuk 'Public Private Partnerships from a Personal Perspective', disampaikan oleh seorang pakar jemputan yang juga merupakan Jurutera Awam Profesional dari United Kingdom, Stanley W J Falconer.

Dalam taklimat yang diadakan di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam itu, beliau antara lain mengongsikan bagaimana kerjasama Awam - Swasta (Public - Private Partnership) boleh digunakan untuk memberikan kesan yang terbaik, dengan matlamat untuk membawa kemahiran teknikal dan pengurusan dan teknologi baharu ke dalam sektor, serta mengurangkan subsidi awam kepada sektor.

Selain itu beliau juga membentangkan beberapa kajian kes, termasuk kes rawatan air serta kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta.

Taklimat anjuran Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek (PUJA) dengan kerjasama



JURUTERA Awam Profesional dari United Kingdom, Stanley W J Falconer ketika menyampaikan taklimat 'Public Private Partnerships from a Personal Perspective'.

Institusi Kejuruteraan Awam Brunei Darussalam (Institution of Civil Engineering - ICE) oleh dihadiri oleh lebih seratus orang pegawai kerajaan dan swasta, terdiri daripada juruukur, jurutera dan arkitek.

Antara yang hadir mendengarkan sesi perkongsian tersebut ialah, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria serta Pengerusi PUJA Engineering Division, Awang Haji Mohammad Zin bin Haji Salleh.

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perasaan yang sama juga dirasakan oleh graduan UNISSA berasal dari negara jiran, Indonesia, Ahmad Remanda bin Muhammad Khalil, yang melahirkan rasa gembira dan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana mempermudahkan segala perjalanan semasa mengikuti pengajian di UNISSA selama setahun setengah.

Beliau yang mengikuti jurusan Ijazah Sarjana Usuluddin itu juga berkata dengan usaha yang gigih dan sebaik mungkin agar tidak

gagal dalam pelajaran, scetnunya membuahkan hasil, meskipun mengikuti pengajian di negara ini dengan pembiayaan sendiri.

"Bagi saya dengan kejayaan ini saya begitu bangga sekali, kerana dapat menghabiskan pengajian dalam waktu yang singkat dan Alhamdulillah, saya mendapat kejayaan yang begitu memuaskan sekali dengan mendapat CGPA 4, dan InsyaaAllah akan meneruskan pengajian hingga ke PHD walaupun dengan pembiayaan sendiri kerana UNISSA adalah universiti Islam yang terbaik sekali untuk mengikuti pengajian," ujarnya.

## HALUAN

# Kesihatan dan kesejahteraan warga emas perlu terus dijaga

Dari muka 2

Sebagai salah sebuah agensi utama yang bertanggungjawab terhadap kesihatan dan kesejahteraan warga emas, Kementerian Kesihatan telah dan akan terus menyediakan perkhidmatan yang khusus untuk golongan warga emas. Antaranya ialah Perkhidmatan Perubatan Geriatrik melalui perkhidmatan *in-patient* dan *out-patient* yang disediakan di hospital-hospital kerajaan, perkhidmatan komuniti seperti *home-based nursing, geriatric and palliative nurse community visit, palliative help line* dan Pusat Amal Cerah Sejahtera (PACS) yang bertempat

di Kampung Subok, Daerah Brunei dan Muara, yang pada masa ini menyediakan aktiviti-aktiviti kumpulan sokongan (*support group*) bagi mereka yang menghidap penyakit Demensia.

Selain daripada itu, dari aspek pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit pula, pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi sama-sama mempromosi cara hidup sihat, termasuklah kempen serta acara pada pagi ini. Saya juga telah difahamkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan dengan kerjasama PKWE Tutong baru sahaja melancarkan

Program Kesihatan bagi Warga Emas di Daerah Tutong yang mana bertujuan untuk memperkasa warga emas dalam penjagaan kesihatan dan mengamalkan cara hidup sihat secara berterusan. Syabas dan tahniah kepada ahli-ahli PKWE Tutong semoga usaha-usaha murni abiskita semua akan mendatangkan manfaat kepada semua yang terlibat.

Dalam hal ini, pihak Kementerian Kesihatan juga tidak akan kendur-kendur bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan, seperti Pertubuhan Brunei Demensia, sebuah badan

bukan kerajaan yang tertumpu kepada isu dalam meningkatkan kesedaran dan kapasiti Demensia, penduduk negara ini untuk menghadapi isu-isu yang berkaitan dengan 'Mengekalkan Kesihatan Di Usia Emas' (Healthy Ageing).

Sebelum mengundurkan diri, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa penganjur, para penaja serta pihak-pihak berkepentingan lain yang telah sama-sama menjayakan Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat bagi Mukim Pekan Tutong pada pagi ini. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni

lagi ikhlas itu akan mendapatkan keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wata'ala jua, *aamiin, aamiin, aamiin, ya rabbal alamiin.*

Dengan melafazkan kalimah selawat serta salam ke atas Junjungan Besar nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat bagi Mukim Pekan Tutong.

Sekian.  
*Wabillahu Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.*